

## Cara-cara jawab soalan esei Moral (Bahagian B dan Bahagian C)

Esei di bahagian B dan C tulis dalam **3 perenggan**. B 项及 C 项作文要写 **3 个段落**.

<b>Pendahuluan</b> 前言	: 1 ayat pendahuluan 一句前言
<b>Isi</b> 内容	: semua jawapan / isi / idea / nilai universal / keputusan yang berkaitan dengan soalan 所有的答案 / 论点 / 论据 / 道德价值观 / 你的任何决定
<b>Penutup</b> 后语	: 1 ayat kesimpulan 结论 (watak + tindakan + kesan) 一句后语

Contoh esei bahagian C

8. Gambar di bawah berkaitan dengan permainan tradisional.



- a. Permainan tradisional merupakan salah satu wadah untuk masyarakat pelbagai kaum berjumpa dan beriadah. Melalui permainan tradisional, mereka saling mengenali dan menjalinkan hubungan baik dan **mengukuhkan perpaduan** dalam kalangan rakyat Malaysia.

**Selain** permainan tradisional, terangkan **wadah lain** yang boleh mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia. [10m]

**Watak : rakyat Malaysia / murid sekolah / mana-mana watak yang sesuai**

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
<b>F</b>	<b>Perpaduan sangat penting di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum.</b>
<b>H1</b>	<b>Sukan ialah wadah lain</b> yang boleh mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia.
<b>H2</b>	Semasa pertandingan acara sukan, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum meluahkan slogan "Malaysia Boleh" untuk menyokong atlet / pasukan negara.
<b>H3</b>	Melalui sukan, ahli masyarakat akan mengeratkan hubungan antara kaum kerana ingin mencapai kemenangan dalam satu pasukan.
<b>H4</b>	<b>Pendidikan / sekolah</b>
<b>H5</b>	Pendidikan di sekolah mengajar subjek Pendidikan Moral / Sejarah / Pendidikan Sivik dan kewarganegaraan
<b>H6</b>	Dengan memberi penekanan tentang kepentingan perpaduan
<b>H7</b>	Selain itu, pendidikan di sekolah dapat menginteraksikan semua murid dari pelbagai bangsa untuk berkomunikasi dalam satu bahasa iaitu bahasa Melayu.
<b>H8</b>	Dengan ini, semua murid dapat lebih memahami antara satu sama lain dan saling mengenali antara satu sama lain
<b>H9</b>	<b>Aktiviti kokurikulum</b>
<b>H10</b>	Apabila sekolah melaksanakan aktiviti kokurikulum, aktiviti yang dilaksanakan akan disertai oleh murid pelbagai kaum dapat mewujudkan komunikasi yang baik dalam kalangan murid
<b>H11</b>	Murid-murid bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu aktiviti akan mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat.

<b>H12</b>	<b>Aktiviti kebudayaan</b>
<b>H13</b>	Murid akan lebih menghormati apabila dapat mengenali budaya dan amalan kaum lain.
<b>H14</b>	Murid-murid juga dapat mempelajari cara-cara menghormati tradisi kaum lain.
<b>H15</b>	Murid dapat bertolak ansur dan berkongsi budaya masing-masing.
<b>H16</b>	Contohnya, semasa aktiviti RIMUP (Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan) diadakan di sekolah, semua murid daripada pelbagai kaum akan memakai pakaian tradisional kaum masing-masing.
<b>H17</b>	Murid-murid dapat melakukan semua aktiviti dengan bekerjasama antara kaum dan mengukuhkan perpaduan
<b>H18</b>	<b>Majlis keramaian / rumah terbuka</b>
<b>H19</b>	Semasa majlis keramaian seperti rumah terbuka, rakyat pelbagai kaum akan berkumpul untuk meraikan perayaan Tahun Baru Cina / Hari Raya Puasa / Deepavali
<b>H20</b>	Rakyat berpeluang menikmati pelbagai makanan tradisional yang mewakili pelbagai kaum
<b>K</b>	Rakyat Malaysia harus mengutamakan perpaduan Malaysia supaya dapat mengekalkan keharmonian negara Malaysia.
<b>Mana-mana jawapan yang munasabah</b>	
<b>Terima 10H = 10m</b>	

### **Jawapan Esei Lengkap :**

Perpaduan sangat penting di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum. Perpaduan bermaksud penyatuan sesebuah masyarakat ataupun kumpulan dan jiran mereka.

**Sukan ialah wadah lain yang boleh mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia.** Semasa pertandingan acara sukan, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum meluahkan slogan “Malaysia Boleh” untuk menyokong atlet / pasukan negara. Melalui sukan, ahli masyarakat akan mengeratkan hubungan antara kaum kerana ingin mencapai kemenangan dalam satu pasukan. **Pendidikan juga merupakan wadah yang boleh mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia.** Pendidikan di sekolah mengajar subjek Pendidikan Moral / Sejarah / Pendidikan Sivik dan kewarganegaraan. Dengan memberi penekanan tentang kepentingan perpaduan. Selain itu, pendidikan di sekolah dapat menginteraksikan semua murid dari pelbagai bangsa untuk berkomunikasi dalam satu bahasa iaitu bahasa Melayu. Dengan ini, semua murid dapat lebih memahami antara satu sama lain dan saling mengenali antara satu sama lain. **Perpaduan rakyat Malaysia juga boleh dikukuhkan melalui wadah aktiviti kokurikulum.** Apabila sekolah melaksanakan aktiviti kokurikulum, aktiviti yang dilaksanakan akan disertai oleh murid pelbagai kaum dapat mewujudkan komunikasi yang baik dalam kalangan murid. Murid-murid bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu aktiviti akan mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat.

Rakyat Malaysia harus mengutamakan perpaduan Malaysia supaya dapat mengekalkan keharmonian negara Malaysia

### BAHASA KEBANGSAAN

- Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152 (1) menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963 / 1967 menetapkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi negara

b. **Bincangkan cabaran** penggunaan bahasa Melayu dalam menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia. Jawapan anda perlu disokong dengan **nilai universal** yang telah anda pelajari. [10m]

**Watak : terima semua watak yang sesuai**

Bil	Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh		
<b>N1</b>	<b>Nilai kerjasama</b>	<b>N4</b>	<b>Nilai hormat</b>
<b>N2</b>	<b>Nilai toleransi</b>	<b>N5</b>	<b>Nilai bertanggungjawab</b>
<b>N3</b>	<b>Nilai rasional</b>	<b>N6</b>	<b>Nilai kesederhanaan</b>
<b>F</b>	Penggunaan bahasa Melayu dalam menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran.		
<b>H1</b>	Kaum yang berbeza menggunakan bahasa ibunda sendiri		
<b>H2</b>	Sesetengah rakyat Malaysia terlalu mementingkan bahasa ibunda sendiri		
<b>H3</b>	Mereka selesa menggunakan bahasa ibunda sendiri		
<b>H4</b>	Segelintir rakyat Malaysia tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik		
<b>H5</b>	Mereka tidak mementingkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian		
<b>H6</b>	Terdapat rakyat Malaysia tidak dapat berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu		
<b>H7</b>	Hal ini boleh menyekat / menjejaskan hubungan baik antara kaum		
<b>H8</b>	Sesetengah rakyat Malaysia mengagung-agungkan / mementingkan penggunaan bahasa Inggeris		
<b>H9</b>	Kerana bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa antarabangsa		
<b>H10</b>	Bahasa antarabangsa mempunyai nilai ekonomi		
<b>H11</b>	Sikap ibu bapa yang dipengaruhi oleh budaya barat		
<b>H12</b>	Sikap ibu bapa yang mengabaikan kepentingan bahasa Melayu		
<b>H13</b>	Ibu bapa beranggapan bahasa Melayu hanya penting di Malaysia sahaja		
<b>H14</b>	Mereka ingin menghantar anak ke luar negara akan menghantar anak memperelajari bahasa asing		
<b>K</b>	Rakyat Malaysia harus menguasai bahasa Melayu supaya dapat mencapai perpaduan yang padu antara kaum.		
<b>Mana-mana jawapan yang munasabah</b>			
<b>Terima 1N + 9H = 10m / 2N + 8H = 10m / 0N + 10H = 9m</b>			

## Jawapan Esei Lengkap :

Penggunaan bahasa Melayu dalam menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran.

Nilai yang diamalkan ialah **nilai kerjasama. Nilai toleransi. Nilai rasional. Nilai hormat. Nilai kesederhanaan.** Cabaran penggunaan Bahasa Melayu dalam menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia ialah kaum yang berbeza menggunakan bahasa ibunda sendiri. Sesetengah rakyat Malaysia terlalu mementingkan bahasa ibunda sendiri. Mereka selesa menggunakan bahasa ibunda sendiri. Selain itu, Segelintir rakyat Malaysia tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik. Mereka tidak mementingkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Tambahan lagi, terdapat rakyat Malaysia tidak dapat berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu. Hal ini boleh menjejaskan hubungan baik antara kaum. **Cabaran penggunaan Bahasa Melayu dalam menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia** ialah sesetengah rakyat Malaysia mementingkan penggunaan bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan sedemikian kerana bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa antarabangsa. Mereka beranggapan bahawa Bahasa antarabangsa mempunyai nilai ekonomi. **Cabaran penggunaan Bahasa Melayu dalam menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia** ialah sikap ibu bapa yang dipengaruhi oleh budaya barat. Terdapat ibu bapa yang mengabaikan kepentingan bahasa Melayu. Mereka beranggapan bahasa Melayu hanya penting di Malaysia sahaja. Tambahan lagi, mereka ingin menghantar anak ke luar negara akan menghantar anak memperlajari bahasa asing.

Rakyat Malaysia harus menguasai bahasa Melayu supaya dapat mencapai perpaduan yang padu antara kaum.

- **Esei mesti tulis ayat lengkap** 作文一定得写完整的句子
  - Terdapat watak dan tindakan yang berkaitan dengan situasi soalan 有主角及道德行为及与题目要求/情况
  - Jika tidak perlu tulis watak, esei pun tidak boleh tulis jawapan singkat yang tidak lengkap. 如果句子不需要写到主角，也得写出完整的句子.
  - Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang----- X 这样写是错的，没有完整句子不能拿到分数，
  - **Cara mengharumkan nama negara di mata dunia ialah mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang.** ✓ **必需写这样完整的句子才对**